

Industri minyak, gas perlu kerjasama baru: PM

15/06/04

BH

MJ 1

Oleh Azman Zakaria
dan Nor Liza Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerjasama baru dan lebih luas perlu diadakan bagi menghadapi cabaran dalam industri minyak dan gas bagi mewujudkan dunia yang stabil dan makmur.

Perdana Menteri berkata, Asia memerlukan bekalan sumber tenaga yang terjamin, berkekalan dan

pada harga yang berpatutan bagi terus mengekalkan kadar pertumbuhan pesat ekonominya yang dilalui sekarang.

Beliau berkata, sebarang gangguan terhadap bekalan atau harga yang tidak stabil akan memberi kesan hebat terhadap pertumbuhan ekonomi masa depan.

"Asia pada masa lalu, berupaya menangani krisis dan kekurangan sumber tenaga. Tetapi perkembangan ekonomi yang dilaluinya kini bermakna bahawa sebarang gang-

guan bekalan atau harga yang tidak menentu akan memberi kesan hebat terhadap pertumbuhan masa depan.

"Kebergantungan Asia kepada tenaga, khususnya minyak dan gas dijangka terus meningkat ekoran pertumbuhan dan perkembangan ekonominya.

"Pada 2003 saja, kebergantungan Asia terhadap minyak import adalah kira-kira 64 peratus. Kerajaan di rantau ini menyedari kepentingan jaminan bekalan tenaga dan secara

yang berterusan.

"Sebagai contoh, Asean telah menyatakan hasrat untuk mencapai matlamat ini menjelang 2020," katanya dalam ucapan pada Persidangan Kesembilan Minyak dan Gas Asia: Menghadapi Cabaran-cabaran Baru, di sini, semalam. Teks ucapannya dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Persidangan bermula kelmarin

LIHAT MUKA 2 ►